

13 JUL 2003

Ukraine-Kerjasama

MALAYSIA SEDIA JALIN KERJASAMA RAPAT DENGAN UKRAINE

Oleh: Mohd Kamel Othman

KIEV (Ukraine), 13 Julai (Bernama) - Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia bersedia untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama rapat dengan Ukraine terutama dalam bidang perdagangan dan pelancongan.

Katanya, Malaysia berminat untuk mencari rakan yang boleh bekerjasama rapat dalam bidang-bidang teknologi baru dan Ukraine telah dikenalpasti sebagai negaranya kerana mempunyai potensi.

"Ukraine mempunyai banyak tempat menarik yang membolehkan kita untuk mengadakan kerjasama rapat dalam industri pelancongan. Kita juga hendak menggalakkan rakyat Ukraine untuk datang ke Malaysia," katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan rasmi empat hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Ukraine mulai Ahad.

Di samping itu, katanya, Malaysia juga berminat untuk bekerjasama dengan Ukraine dalam bidang pendidikan, industri pertahanan dan sawit.

"Itulah sebabnya dalam lawatan ini terdapat empat menteri iaitu saya, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohammad," katanya.

Menurut Syed Hamid, Ukraine merupakan satu-satunya negara yang mempunyai teknologi dalam bidang industri pertahanan khususnya bidang kejuruteraan aeronautical dan bio-teknologi.

Oleh itu, katanya, Dr Mahathir akan melawat pusat-pusat industri perkapalan dan penerbangan di Ukraine dan berharap lawatan kali ini akan berjaya.

Mengenai pertemuan Dr Mahathir dengan Presiden Leonid D. Kuchma dan Perdana Menteri Victor Yanukovic, Syed Hamid berkata di samping soal dua hala mereka juga akan berbincang soal serantau dan antarabangsa.

Perdana Menteri juga akan menjemput Kuchma untuk melawat Malaysia, katanya.

Syed Hamid juga berkata Malaysia bersedia untuk menimbang membuka pejabat perwakilannya di Ukraine jika terdapat keperluan berbuat demikian.

"Kita tidak mempunyai kedutaan di sini dan buat masa ini duta kita di Poland bertanggungjawab ke atas Ukraine," katanya.

Ukraine telah membuka pejabat perwakilannya di Kuala Lumpur pada Ogos tahun lepas.

Mengenai kerjasama usahawan antara Malaysia dan Ukraine, Syed Hamid berkata buat masa ini ia hanya tertumpu kepada industri pertahanan sahaja.

Dalam lawatan Dr Mahathir kali ini, terdapat serombongan 30 orang usahawan Malaysia yang turut serta untuk meninjau peluang-peluang yang ada.

Di Odessa, yang terletak selatan Kiev, terdapat kemudahan penyimpanan sawit yang amat besar dan Malaysia boleh menggunakan kemudahan itu untuk memasarkan komoditi itu ke pasaran Eropah Timur, kata beliau.

"Ukraine pada zaman Rusia merupakan satu-satunya wilayah pengeluar kereta kebal dan peralatan jet pejuang MIG dan merupakan salah satu negara yang kita beli (peralatan)," katanya.

Syed Hamid juga berkata Malaysia banyak membeli baja dari Ukraine dan baja merupakan 41 peratus daripada import Malaysia dari negara itu.

Import Malaysia dari Ukraine pada tahun 2002 berjumlah RM160 juta.

Menteri Luar itu berkata bidang pendidikan juga merupakan antara bidang yang dikenalpasti mempunyai potensi dan pada masa ini kira-kira 600 pelajar Malaysia sedang menuntut di Ukraine terutamanya dalam bidang perubatan.

Kebanyakan pelajar bidang perubatan Malaysia di Ukraine merupakan

pelajar swasta. Cuma 12 orang di bawah naungan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan dua pelajar tajaan MARA.

-- BERNAMA

MKO SSA ZB